

PM buat lawatan rasmi 2 hari ke Pulau Pinang mulai Jumaat

PULAU PINANG, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan menemui pemimpin UMNO dalam lawatan rasmi dua hari ke Pulau Pinang mulai Jumaat ini.

Selepas menemui Jawatankuasa Perhubungan Negeri Pulau Pinang diketuai oleh Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri juga akan mengadakan perjumpaan dengan pemimpin komponen Barisan.

Sumber-sumber UMNO berkata, tidak ada butir-butir yang ditetapkan untuk dibincang antara tokoh parti

dengan Datuk Seri Dr. Mahathir dalam perjumpaan tersebut.

"Perjumpaan itu merupakan perkara biasa sahaja bila pucuk pimpinan parti membuat lawatan ke negeri ini," kata sumber-sumber itu lagi.

Ditanya sama ada Datuk Seri akan menyentuh soal politik, sumber-sumber itu berkata, ada kemungkinan besar beliau akan membangkitkan soal tersebut.

Di samping itu Datuk Seri juga dijangka meninjau sepintas lalu situasi politik negeri ini dan hubungan antara komponen parti.

Iklm

Ini didasarkan kepada iklim menghadapi pilihanraya akan datang sudah pun bermula sekarang.

Ketibaan Datuk Seri Dr. Mahathir di Lapangan Terbang Bayan Lepas akan disambut oleh pemimpin-pemimpin UMNO Pulau Pinang dan pemimpin-pemimpin komponen Barisan Nasional.

Beliau akan diarak oleh 200 motosikal terdiri dari ahli-ahli Pergerakan Pemuda UMNO Negeri ke kediaman Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang di Jalan Resideni.

Perdana Menteri akan merasmikan persidangan agung Parti Gerakan di Dewan Sri Pinang pada hari Sabtu.

Pemerhati politik menjangka, Perdana Menteri akan memberi ucapan penting dalam persidangan tersebut.

Pilihanraya

Beliau juga dijangka menyentuh soal hubungan antara parti-parti komponen BN bagi memperkuatkan lagi kerjasama mereka, terutama dalam menghadapi pilihanraya akan datang.

Sementara dalam temuannya dengan pemimpin UMNO, soal-soal penglibatan Bumiputera dalam ekonomi dan masalah yang mereka hadapi dijangka akan disentuh.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia